

## **Cara dapatkan kerja idaman anda !**

### **Bahagian 4 / akhir**



**Dr. Ali Qassem**

[www.aliqassem.com](http://www.aliqassem.com)

Lazimnya, sebelum temuduga tajaan, penemuduga akan bertanya sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan atau kemusykilan. Terdapat beberapa soalan yang anda patut dan tidak patut tanya.

Perkara pertama yang kebanyakan orang akan bertanya adalah berkaitan dengan gaji yang ditawarkan. Orang selalu akan bertanya. “Berapa gaji kerja kamu ?” Adakah anda biasa mendengar soalan ini ?

Pada umumnya, memanglah hak anda untuk mengetahui gaji yang ditawarkan. Tetapi itu bukanlah soalan pertama yang patut ditanya. Ia patut adalah soalan yang terakhir yang ditanya atau anda tidak perlu bertanya langsung. Jika anda mempunyai nilai di pasaran, anda akan mendapat apa yang sepatutnya atau mungkin lebih dari jangkaan anda. Tidak ada organisasi yang akan merendah-rendahkan kemahiran, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang lain dengan menawarkan gaji yang rendah.

Soalan lain yang anda tidak patut tanya adalah berkaitan dengan cuti, sama ada cuti tahunan, cuti sakit dan sebagainya. Jika anda bertanyakan soalan yang sedemikian, ini akan menunjukkan anda seorang yang tidak dedikasi; diberi anggapan anda tidak sesuai untuk menjawat jawatan tersebut.

Anda sepatutnya telah membuat kajian lengkap terhadap latar belakang organisasi tentang kebajikan dan kemudahan yang diberikan kepada pekerjaannya. Soalan ini

menunjukkan betapa ceteknya pengetahuan anda terhadap organisasi yang anda ingin sertai.

Soalan yang anda patut tanya perlulah soalan yang boleh mengagumkan penemuduga. Soalan anda hendaklah menggambarkan komitmen, kesanggupan anda untuk belajar, semangat bekerja berpasukan dan integriti.

Soalan yang patut anda tanya adalah tentang apa yang akan dapat belajar dari kerja yang ditawarkan dan di manakah posisi anda selepas 5 tahun bekerja. Soalan begini akan memberikan satu tanggapan bahawa anda sememangnya serius untuk mendapatkan tawaran kerja tersebut. Mereka akan percaya bahawa mendapatkan tawaran kerja tersebut adalah matlamat anda, justeru itu anda akan komited dan taat dengan organisasi.

Dengan bertanyakan di manakan posisi anda selepas 5 tahun menggambarkan ketaatan anda terhadap organisasi. Organisasi tidak akan membelanjakan wang dengan begitu sahaja dalam mengadakan sebarang latihan melainkan mereka pasti pekerja mereka adalah yang taat dan komited. Soalan ini juga mencerminkan bahawa anda ingin memajukan diri dan sanggup belajar.

Soalan kedua yang anda patut bertanyakan adalah apakah tanggungjawab anda dan apa yang organisasi inginkan dari anda. Soalan ini akan memberikan anda pemahaman apa yang organisasi ingin capai.

Soalan lain adalah bertanyakan kemahiran tertentu yang perlu dikuasai untuk meningkatkan produktiviti organisasi. Anda juga patut bertanyakan cabaran dan peluang yang dihadapi oleh organisasi.

Soalan-soalan di atas menunjukkan anda seorang yang bersemangat dan ingin melaksanakan tugas dengan terbaik yang mungkin. Anda akan meletakkan diri anda pada satu tahap yang mana anda seorang yang ingin maju ke depan, rajin bekerja dan anda adalah aset kepada organisasi yang anda ingin sertai.